

PRO-NET Pamerkan Teknologi EV Terkini dan Proton e.MAS di GATE 2025

Terokai e.MAS 5, teknologi EV generasi baharu serta peluang pandu uji di ruang pameran PROTON yang dibuka kepada orang ramai pada 14 November.

KUALA LUMPUR, 12 November 2025 – PROTON dan PRO-NET berbesar hati untuk turut serta dalam Global Automotive and Technology Expo (GATE) 2025 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre dari 12 hingga 14 November 2025. Acara berprestij selama tiga hari ini bertujuan mengumpulkan pemimpin industri, inovator dan pembuat dasar bagi merangka masa depan mobiliti elektrik, sistem autonomi serta pengangkutan lestari.

Sebagai salah satu jenama kenderaan elektrik nasional di Malaysia, penyertaan PRO-NET di GATE 2025 menegaskan komitmennya untuk memajukan ekosistem kenderaan elektrik (EV) negara serta memperkukuh inovasi tempatan melalui kerjasama bertaraf global.

Bagi menyerikan lagi penyertaan PRO-NET di GATE 2025, pada 13 November 2025, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz akan mengunjungi ruang pameran Proton e.MAS, di mana beliau akan diberi taklimat mengenai kemajuan jenama tersebut dalam teknologi kenderaan elektrik. Beliau diiringi oleh Encik Azrul Reza Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii).

Pada pameran tahun ini, PROTON dan PRO-NET menampilkan beberapa sorotan utama yang melambangkan bab seterusnya dalam perjalanan elektrifikasi jenama tersebut:

- **Sistem Pemacu Elektrik 12-dalam-1:** unit kuasa bersepadu yang canggih, menggabungkan pelbagai komponen bagi mencapai kecekapan, reka bentuk padat, dan prestasi yang lebih tinggi.
- **Teknologi Cell-to-Body:** inovasi yang meningkatkan keselamatan, ketegaran struktur, dan kecekapan tenaga dengan membina bateri terus ke dalam rangka kenderaan.
- **Bateri Short Blade:** direka untuk ketumpatan tenaga lebih tinggi, pengecasan lebih pantas, dan jangka hayat lebih panjang bagi memenuhi keperluan kenderaan elektrik moden.
- **Proton e.MAS 5:** model hatchback elektrik baharu jenama ini yang menggabungkan ciri pintar, prestasi lincah, dan harga mampu milik untuk menjadikan pemilikan EV lebih mudah dicapai oleh rakyat Malaysia.

Selain daripada pameran, pengunjung GATE 2025 berpeluang untuk alami sendiri kenderaan elektrik terbaharu Proton e.MAS, dengan sesi pandu uji tersedia untuk Proton e.MAS 7 dan Proton e.MAS 5 sepanjang acara berlangsung.

“Acara seperti GATE 2025 penting kerana ia membuka peluang untuk kerjasama dan inovasi di seluruh rantau,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET. “ Ini juga peluang terbaik untuk berkongsi idea, meneroka teknologi baharu, dan memperkukuh hubungan dengan rakan industri. Dengan jenama e.MAS, kami berbangga menunjukkan bagaimana kepakaran Malaysia digabungkan dengan pengalaman global untuk mencipta mobiliti yang canggih dan lestari untuk masa depan.”

Global Automotive and Technology Expo (GATE) menjadi titik pertemuan utama bagi industri automotif dan teknologi ASEAN, mempromosikan masa depan pengangkutan yang lebih bersih, canggih, dan saling berhubung. Penyertaan PROTON menegaskan peranannya sebagai pemacu utama dalam memperkasa peralihan EV di Malaysia serta komitmennya terhadap kemajuan lestari melalui inovasi.

GATE 2025 dibuka kepada orang ramai pada hari terakhirnya, 14 November, dengan kemasukan percuma. Pengunjung digalakkan singgah di ruang pameran PROTON untuk meneroka teknologi EV terkini serta mengalami Proton e.MAS 7 dan e.MAS 5 melalui sesi pandu uji eksklusif.

Hari ASEAN MITI

Selain daripada GATE 2025, PROTON dan PRO-NET juga akan menyertai MITI ASEAN Day 2025, sebuah inisiatif tahunan yang mempamerkan peranan dan fungsi Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) kepada orang ramai. Sebagai sebahagian daripada Mini Malaysia Autoshow, PROTON akan mempamerkan Proton e.MAS 5, selari dengan usaha MARii memperkukuh ekosistem automotif negara mengikut Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020). Mini Malaysia Autoshow ini juga memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat lebih awal pameran Malaysia Autoshow yang akan datang.

Sambutan ini akan berlangsung dari 14 hingga 15 November 2025 di Menara MITI, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, Kompleks Kerajaan, Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 5, lawati laman web rasmi Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

#ProtoneMAS7 #ProtoneMAS5 #FreedomThatElectrifies #MostAffordableEV
#OwnYourSpace

-Tamat-



PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS merupakan jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional pertama Malaysia, sebagai sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Sebagai peneraju dalam penggalakan penggunaan EV dan pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk memacu transformasi pengangkutan lestari dengan penekanan terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedarannya yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, dan ekosistem yang lengkap memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN melalui penyampaian Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global